


Meniti perbatasan antara sampah dan seni

Installation By The Bay Kota Kinabalu 2019, pameran sejak lima tahun lalu kini mendapat perhatian ramai di Sabah



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

OB 21-9-2019 16
APABILA datang bulan September setiap tahun tarikh keramat ini menggamit ramai pelukis tempatan untuk mengambil bahagian dalam pameran unik bertajuk Seni Instalasi Berdepan Teluk atau *Installation Art by The Bay*.

Pameran ini telah dimulakan sejak tahun 2014 lagi setelah lebih lima tahun pameran aliran baru ini di negeri Sabah mendapat perhatian ramai apabila ruang yang baru telah di tempatkan pameran ini dari ruang lama di pantai Tanjung Aru. Pameran yang di sertai oleh beberapa pelukis veteran dan juga pelukis muda tempatan.

Seperti tahun yang sebelumnya acara pameran Instalasi ini adalah usaha dan naungan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Kementerian Pelancongan Negeri Sabah, Galeri Lavinia, Universiti Malaysia Sabah, Persatuan Pelukis Negeri Sabah dan badan NGO yang lain.

Beberapa buah karya yang menarik serta mengagumkan penonton telah berjaya menggamit minat pelawat ke Dataran Segama

berdekatan arca Ikan Marlin atau todak gergasi, salah satu mercu tanda Bandaraya Kota Kinabalu di tepi pantai.

Di antara karya yang nampaknya sangat menarik di dalam pameran terbuka ini adalah bertajuk Ombak Pencemaran oleh Kumpulan Pelukis Dion diketuai oleh Diana dan Angelina, karya yang dibuat dengan penuh teliti telah berjaya membuat satu kolaborasi yang sangat bijak apabila reben plastik yang berbagai warna digantung umpama jejari sotong yang ditiup bayu dari laut. Suasana yang diciptakan oleh ribuan reben plastik yang berjurai umpama rumpai laut di dalam laut telah menggalakkan pengunjung beramai-ramai berinteraksi dengan instalasi tersebut.

Berdekatan dengan instalasi tersebut sebuah lagi karya oleh Japson Wong menggantung karya beliau dari kotak makanan plastik dan juga reben yang diikat



Karya Angelina bertajuk Ombak Pencemaran



Karya Effendi Yubah dan Dr Puad Bibet La Bah La Bah La Bah

tahun 1970an merasakan bahawa lukisan *ease* tidak lagi berupaya menyahut kehendak masyarakat moden abad ke dua puluh satu, ini bermakna apabila karya instalasi di persembahkan kepada khalayak mereka berupaya merasakan persepsi serta perasaan yang ingin disampaikan oleh pencipta di samping itu sebuah karya Instalasi sama ada di pameran di lokasinya atau di dalam galeri ia berjaya meresapkan aura, sedar ruang dan kekaguman kepada penonton bukan sahaja berinteraksi dengan karya bahkan mereka boleh "berintim" dengan karya bagi mendapatkan mesej tersurat dan juga tersirat pelukis.

Walaupun seni Instalasi masih baru di negeri Sabah tetapi sudah merebak dengan popularnya di kalangan pelukis Semenanjung dan

juga Asia Tenggara, justeru seni Instalasi mendapat sambutan meluas di kalangan pelukis tempatan.

Sebagai bukti sekitar tahun 1990an beberapa orang pelukis tempatan juga telah mencuba aliran Instalasi seperti Bayu Utomo, Robin Lo, Humin Jusilin, Maikol Yapat, Abal Mukam, Effendy Yubah dan beberapa orang pelukis muda yang berkarya dalam beberapa pameran dan pertandingan seperti pameran tahunan, (KPTNS) Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah, Anjuran Balai Seni Lukis Sabah.

Penganjuran seperti ini sangat di hargai oleh semua pihak terutama warga seni kerana seni tidak boleh berkembang dalam vakum dan mesti menerjah membuka genre yang baru.

Matlamat serta tujuan pameran Instalasi ini meng-

galakan pelukis tempatan lebih bertenaga mengangkat isu semasa sebagai inspirasi menyedarkan masyarakat di samping lebih kreatif memilih bahan seperti sampah bertimbun di sekeliling kita sebagai modal karya seni yang bermanfaat.

Oleh sebab itu pihak penganjur dianggap berjaya kerana setiap tahun sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan di samping itu aliran seni yang baru akan menambahkan kepelbagaian pilihan serta cita rasa kepada peminat seni lukis tempatan selaras dengan perkembangan seni lukis global.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

setiap unit memberikan bentuk sotong yang bergerak seolah olah berenang di dalam air.

Sebuah lagi karya yang patut diberikan perhatian adalah karya gabungan oleh Cikgu Effendi bin Yubah dan Dr Mohd Puad Bibet yang menyindir La Bah La Bah La Bah jika di sebut secara berintonasi mendinginkan kesan puitis. Seorang pelukis veteran Puan Christianne Goonting juga mengutarakan karya beliau bertajuk "Hanya yang kita perlu" mengimbau impian kita terhadap kesinambungan untuk meneruskan kehidupan secara bijak dengan tidak mengamalkan pembaziran.

Walau bagaimanapun terdapat karya oleh pelukis lain yang mempamerkan instalasi mereka namun kebanyakan karya berbentuk arca keliling bermaksud karya tersebut gagal mencapai matlamat sebuah karya Instalasi. Instalasi adalah satu aliran seni visual abad ke dua puluh bermula di Eropah dan Amerika Utara

oleh tokoh seperti Richard Long, Robert Smith, Walter de Maria, Richard Wilson dan sebagainya.

Tujuan aliran baru ini menjadi semakin popular adalah kerana apabila pelukis muda di barat sekitar



Instalasi oleh mahasiswa seni Universiti Malaysia Sabah



Puan Christianne Goonting Penganjur Pameran dan juga pelukis